

Pelantikan Profesor Ulung di UKM

Pada 1 hb Oktober 2007, UKM telah melantik buat pertama kalinya seorang Profesor Ulung di Fakulti Perubatan. Pelantikan ini merupakan pelantikan pertama di bawah skim *contract for service* yang diluluskan oleh Kerajaan pada awal 2007.

Skim *contract for service* diwujudkan untuk membolehkan IPTA merekrut ahli akademik terkemuka di dunia dari **negara maju** untuk berkhidmat di Malaysia yang selama ini tidak dapat dilakukan atas tangga gaji akademik sedia ada. Justeru skim *contract for service* membolehkan penawaran gaji yang bukan sahaja kompetitif dari segi nilai pasaran antarabangsa tetapi mesti juga cukup untuk menarik mereka berhijrah ke Malaysia yang sedang membangun bagi tempoh yang munasabah (contohnya Profesor Ulung pertama di UKM sanggup menetap selama empat tahun).

Cadangan pembayaran hanya dipersetujui setelah institusi membuat tinjauan gaji dan ganjaran bagi pakar yang serupa di peringkat antarabangsa. Perkara lain yang dipertimbangkan termasuklah menentukan kepakaran yang bakal diperolehi (a) sejajar dengan misi dan perancangan institusi (b) menambah nilai kepada kepentingan strategik institusi dari sudut pembangunan dan perkembangan akademik iaitu pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan (c) mempunyai impak kepada negara dan masyarakat am (d) memberi pulangan yang positif dalam analisis kos dan faedah.

Pakar yang dilantik perlu menandatangani perjanjian. Perjanjian ini memperincikan obligasi pakar tersebut dan obligasi institusi yang merekrutnya serta peruntukan perundangan yang lain yang lazim terdapat dalam perjanjian perkhidmatan.

Dari segi prosedur, pengenalpastian seseorang pakar atau syor boleh datang dari mana-mana pihak. Terpulanglah kepada institusi yang bakal merekrut pakar ini untuk menilai *curriculum vitae* dan membuat validasi status keantarabangsaannya dengan mendapatkan testimonial bebas daripada kesepakaran yang setanding keulungannya. Pakar ini hendaklah melalui proses pelantikan yang sama seperti pelantikan profesor lain, iaitu ditemubual oleh Jawatankuasa Pemilih Jawatan Profesor dan syor pelantikan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti. Bagi skim *contract for service* pelantikan hanya dibuat selepas mendapat persetujuan YB Menteri Pengajian Tinggi dan seterusnya oleh Perbendaharaan Malaysia.

Pakar yang dilantik di bawah skim *contract for service* menjadi tanda aras bagi ahli akademik tempatan dan sumber inspirasi bagi mereka berusaha mencapai tahap yang sama.